



**INTERNATIONAL JOURNAL OF
MODERN EDUCATION
(IJMoe)**
www.ijmoe.com



**MODEL INTERVENSI DAKWAH DALAM MENANGANI ISU
KECICIRAN AKADEMIK: SATU KAJIAN EMPIRIK DI ZON
OK9 MANGGATAL, SABAH**

*DAKWAH INTERVENTION MODEL IN ADDRESSING THE ISSUE OF
ACADEMIC DROPOUT: AN EMPIRICAL STUDY IN OK9 ZONE MANGGATAL,
SABAH*

Saifulazry Mokhtar^{1*}, Kasoma Thia^{2*}, Irma Wani Othman^{3*}, Romzi Ationg⁴, Rosemilah Hj. Tahir⁵

¹ Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa, Universiti Malaysia Sabah (UMS), Malaysia
E-mail: saifulazry.mokhtar@ums.edu.my

² SMK Tebobon, Kota Kinabalu, Sabah, Malaysia
Email: kasomathia77@gmail.com

³ Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa, Universiti Malaysia Sabah (UMS), Malaysia
E-mail: irma@ums.edu.my

⁴ Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa, Universiti Malaysia Sabah (UMS), Malaysia
Email: mrating@ums.edu.my

⁵ SK Tebobon, Kota Kinabalu, Sabah, Malaysia
Email: g-74241266@moe-dl.edu.my

* Corresponding Author

Article Info:

Article history:

Received date: 30.06.2025

Revised date: 17.07.2025

Accepted date: 12.08.2025

Published date: 22.09.2025

To cite this document:

Mokhtar, S., Thia, K., Othman, I. W., Ationg, R., & Hj. Tahir, R. (2025). Model Intervensi Dakwah Dalam Menangani Isu Keciciran Akademik: Satu Kajian Empirik Di Zon Ok9 Manggatal, Sabah. *International Journal of Modern Education*, 7 (26), 1098-1115.

Abstrak:

Keciciran akademik merupakan isu yang semakin meruncing, khususnya di kawasan luar bandar yang terdedah kepada faktor sosioekonomi, geografi, dan kekangan akses pendidikan. Pendekatan dakwah dilihat bukan sahaja sebagai mekanisme kerohanian, tetapi juga sebagai strategi pembangunan sahsiah murid melalui pendidikan nilai, bimbingan akhlak dan penglibatan komuniti. Justeru, kajian ini bertujuan untuk meneroka dan membangunkan model intervensi dakwah yang berkesan dalam menangani isu keciciran akademik dalam kalangan murid di Zon OK9 Manggatal, Sabah. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan reka bentuk kajian kes, melibatkan pemerhatian, analisis dokumen dan temu bual separa berstruktur dengan pentadbir sekolah, ketua panitia Bahasa Melayu, serta guru-guru yang terlibat secara langsung dengan murid pemulihan. Dapatan kajian menunjukkan bahawa pendekatan dakwah interpersonal, dakwah bi al-Hikmah, dakwah Tikrar, dakwah Hasanah dan dakwah psikologi memberi kesan positif dalam meningkatkan motivasi

DOI: 10.35631/IJMOE.726072

This work is licensed under [CC BY 4.0](https://creativecommons.org/licenses/by/4.0/)



murid, disiplin diri dan kehadiran ke sekolah. Hasil kajian ini membentuk asas kepada pembinaan model intervensi dakwah yang bersifat kontekstual dan boleh disesuaikan di kawasan berisiko tinggi keciciran. Implikasi kajian ini mencadangkan supaya pihak berwajib memberi ruang yang lebih besar kepada integrasi pendidikan dan dakwah dalam usaha mencegah keciciran akademik secara holistik.

Kata kunci:

Keciciran Akademik, Intervensi Dakwah, Pendidikan Islam, Zon Manggatal, Remaja Berisiko

Abstract:

Academic dropout is an increasingly critical issue, particularly in rural areas that are exposed to socioeconomic challenges, geographical limitations, and restricted access to education. Dakwah (Islamic outreach) is seen not only as a spiritual mechanism but also as a strategy for character development among students through value-based education, moral guidance, and community engagement. Therefore, this study aims to explore and develop an effective dakwah intervention model to address the issue of academic dropout among students in Zone OK9 Manggatal, Sabah. This research adopts a qualitative approach with a case study design, involving observations, document analysis, and semi-structured interviews with school administrators, Malay language panel heads, and teachers directly involved with remedial students. The findings indicate that approaches such as interpersonal dakwah, dakwah bi al-Hikmah, dakwah Tikrar, dakwah Hasanah, and psychological dakwah have a positive impact on improving student motivation, self-discipline, and school attendance. The results of this study lay the foundation for the development of a contextual dakwah intervention model that can be adapted to high-risk dropout areas. The implications of the study suggest that authorities should provide greater opportunities for the integration of education and dakwah as a holistic effort to prevent academic dropout.

Keywords:

Academic Dropout, At-Risk Youth, Dakwah Intervention, Islamic Education, Zone OK9

Pengenalan


Manggatal merupakan sebuah kawasan sub-distrik dalam daerah Kota Kinabalu, Sabah, menempatkan populasi yang pelbagai terdiri daripada etnik. Kawasan ini mengalami perkembangan pesat disebabkan kenaikan harga tanah dan pembangunan pesat di pinggir bandar Kota Kinabalu, namun masih mengekalkan ciri sosial ekonomi luar bandar yang mencabar seperti kemiskinan, akses terhad kepada infrastruktur asas dan jurang pendidikan antara golongan bandar dan luar bandar. Statistik Jabatan Perangkaan dan laporan media menunjukkan beberapa kawasan pedalaman Sabah mencatat kadar kemiskinan tegar melebihi purata kebangsaan (1.2% berbanding 0.2%), dengan kesan langsung terhadap akses pendidikan dan sokongan keluarga terhadap pembelajaran anak-anak. Isu keciciran akademik menjadi kebimbangan utama dalam usaha pembentukan modal insan negara. Keciciran murid didefinisikan sebagai mereka yang meninggalkan persekolahan sebelum menamatkan

pendidikan menengah, atau gagal duduki peperiksaan peringkat tinggi seperti SPM. Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) melaporkan kadar keciciran menurun dari 1.36% (2017) kepada 0.83% (2023) di peringkat menengah, namun angka sebenar masih signifikan apabila melebihi 11,000 hingga 17,000 murid tercicir setiap tahun (Adnan, 2024). Tambahan beliau lagi, antara faktor penyumbang utama ialah kemiskinan, masalah keluarga, kurang minat dan motivasi, jarak ke sekolah serta masalah disiplin sosial.

Keciciran murid di sekolah sering dikaitkan dengan kelemahan dalam penghayatan nilai integriti asas seperti amanah, disiplin dan kejujuran. Nilai-nilai ini sangat penting dalam membentuk sahsiah murid dan menjadi teras dalam membina motivasi serta komitmen terhadap pembelajaran. Kajian mendapati bahawa pendekatan dakwah secara langsung seperti usrah, sesi bimbingan agama, serta teladan yang ditunjukkan oleh guru mampu memberikan kesan positif terhadap kesedaran moral murid dan meningkatkan keinginan mereka untuk belajar (Ismail & Osman, 2019a). Peranan guru sebagai murabbi dan model akhlak bukan sahaja mendidik secara kognitif tetapi juga mempengaruhi aspek emosi dan rohani murid. Tambahan pula, institusi luar seperti masjid, NGO Islam, serta komuniti setempat memainkan peranan penting dalam menyediakan pendidikan informal yang menyokong usaha sekolah, khususnya dalam membentuk identiti dan nilai murni dalam kalangan murid berisiko tercicir (Rusliza et al., 2019). Penglibatan komuniti ini membantu membina ekosistem dakwah yang berterusan di luar bilik darjah, menjadikan pendidikan Islam lebih berkesan dan menyeluruh dalam kehidupan remaja.

Dalam membentuk peribadi murid yang seimbang dan berkualiti, nilai integriti memainkan peranan penting. Integriti merujuk kepada kejujuran, tanggungjawab, etika kerja dan kesedaran diri semua nilai yang membantu murid membina motivasi dalaman, memperkuatkan daya tahan menghadapi cabaran akademik dan mengelakkan tingkah laku menyimpang (Aminah & Zafran, 2020). Penanaman nilai ini dianggap penting bukan sahaja untuk memperkukuh disiplin dan prestasi akademik tetapi sebagai landasan kepada pembangunan sahsiah secara menyeluruh. Pendekatan dakwah, khususnya dakwah *bil-hal* (melalui perbuatan) dan tarbiah (pembentukan jiwa), sangat relevan dalam konteks masyarakat Manggatal. Dakwah *bil-hal* seperti penglibatan aktif tokoh agama di sekolah dan komuniti memperlihatkan nilai teladan dalam kehidupan seharian. Sementara itu, tarbiah bertumpu kepada pembentukan rohani dan akhlak murid melalui modul pembelajaran, bimbingan berterusan dan sokongan moral. Dalam konteks masyarakat luar bandar Sabah yang menghadapi cabaran sosial dan ekonomi, pendekatan ini dilihat mampu menjana perubahan dari akar umbi, memperkukuh nilai integriti dan menyediakan ruang sokongan emosional serta motivasi kepada murid berisiko tercicir (Rahman, 2021).

Rajah 1 berikut menunjukkan jumlah murid yang terlibat dalam Program Pemulihan Khas di sembilan buah Sekolah Kebangsaan di bawah kawasan OK9 Manggatal, Kota Kinabalu, Sabah. Program Pemulihan Khas merupakan satu inisiatif Kementerian Pendidikan Malaysia yang bertujuan membantu murid yang menghadapi kesukaran dalam kemahiran asas membaca, menulis dan mengira (3M), khususnya di peringkat sekolah rendah. Pelaksanaan program ini amat penting bagi memastikan tidak ada murid yang tercicir daripada proses pembelajaran arus perdana. Justeru, analisis jumlah murid pemulihan di setiap sekolah dapat memberikan gambaran awal tentang tahap pencapaian literasi murid serta keperluan intervensi yang bersesuaian di setiap sekolah (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2023).



Rajah 1: Murid Pemulihan di Sekolah Kebangsaan Kawasan OK9 Manggatal (Julai 2024)

Sumber: Kajian Penyelidikan 2025

Rajah 1 di atas menunjukkan jumlah murid pemulihan di sembilan buah Sekolah Kebangsaan dalam kawasan OK9 Manggatal, Kota Kinabalu, Sabah. Daripada data yang ditunjukkan, Sekolah C mencatatkan bilangan murid pemulihan paling tinggi iaitu seramai 90 orang, diikuti oleh Sekolah B dengan 69 orang dan Sekolah I dengan 66 orang. Sebaliknya, Sekolah D mempunyai jumlah murid pemulihan paling rendah, iaitu hanya 15 orang. Sekolah E pula mencatatkan 23 orang murid pemulihan. Sekolah F, G, H dan A masing-masing mencatat jumlah sebanyak 55, 41, 33 dan 33 orang murid. Daripada pemerhatian, terdapat perbezaan yang agak besar antara sekolah dengan jumlah tertinggi dan terendah, menunjukkan bahawa keperluan program pemulihan tidak sama rata di setiap sekolah. Faktor seperti perbezaan latar belakang murid, bilangan keseluruhan murid di sekolah, keberkesanan pengajaran awal literasi dan sokongan ibu bapa mungkin memainkan peranan dalam variasi ini (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2023). Oleh itu, data ini boleh digunakan oleh pihak pengurusan pendidikan untuk merancang intervensi yang lebih bersasar dan berkesan bagi meningkatkan pencapaian murid pemulihan di kawasan OK9 Manggatal.

Sorotan Literatur

Isu keciciran akademik bukan sahaja memberi kesan negatif kepada prestasi murid, tetapi juga mencerminkan penurunan nilai integriti dalam komuniti pendidikan. Menurut Eusope & Abdul Ghani Azmi (2021), walaupun murid IPTA memahami konsep integriti, terdapat golongan yang masih melanggar integriti akademik disebabkan kurang penghayatan nilai moral dan sosial. Keciciran akademik merujuk kepada situasi di mana murid tidak meneruskan pengajian secara formal sebelum tamat persekolahan. Menurut Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan (EPRD), antara punca utama keciciran ialah masalah ekonomi keluarga, kurangnya motivasi belajar, persekitaran sosial yang negatif, dan ketidakhadiran berterusan ke sekolah (EPRD, 2019). Kajian Yahaya et al. (2006) turut menyokong dapatan ini, menyatakan bahawa faktor keluarga dan pengaruh rakan sebaya sangat mempengaruhi keputusan murid

untuk berhenti belajar. Dalam konteks Sabah, khususnya kawasan luar bandar seperti Manggatal, cabaran ini lebih ketara disebabkan faktor geografi, tahap pendidikan ibu bapa yang rendah, serta kurangnya akses kepada program intervensi akademik (Jabatan Pendidikan Negeri Sabah, 2021).

Integriti dalam Islam merujuk kepada kesatuan antara kepercayaan, tindakan dan akhlak yang mulia, yang berpaksikan kepada kejujuran, amanah, tanggungjawab dan keadilan (Othman, 2005). Nilai ini adalah asas dalam pembinaan jati diri murid dan mempunyai hubungan langsung dengan pencapaian akademik serta tingkah laku sosial. Al-Ghazali dalam *Ihya Ulumuddin* menekankan bahawa akhlak yang baik adalah hasil daripada pendidikan ruhani dan latihan yang berterusan. Menurut el-Muhammady (2004), integriti merupakan manifestasi iman dan takwa dalam tindakan seseorang Muslim, dan mestilah diterap sejak kecil melalui pendidikan berasaskan nilai. Kajian oleh Yaacob (2014) menunjukkan bahawa murid yang mengamalkan nilai integriti mempunyai motivasi dalaman yang tinggi, lebih tekun dan bertanggungjawab terhadap muridan mereka. Kajian Yusoff (2019) terhadap mahasiswa UKM mendapati masih wujud murid yang tidak memahami konsep integriti dan terlibat dalam pelanggaran seperti plagiarism. Moten (2014) dan Hairulliza et al. (2012) juga mengaitkan peningkatan kekhilafan akademik dengan penggunaan teknologi, tekanan akademik, dan faktor personaliti.

Dakwah bukan sahaja terhad kepada ceramah atau khutbah, tetapi juga melibatkan pendekatan tarbiah, bimbingan akhlak, dan penglibatan sosial yang menyentuh hati remaja. Menurut Stapa (2011), dakwah kepada remaja perlu bersifat hikmah, tidak menghukum, dan menyantuni realiti sosial yang mereka hadapi. Pendekatan dakwah bil hal (melalui teladan) sangat berkesan dalam membentuk akhlak remaja, khususnya dalam kalangan murid berisiko. Kajian oleh Che Noh et al. (2013) menunjukkan bahawa program seperti usrah, bimbingan kerohanian, dan modul pembangunan sahsiah mampu meningkatkan kesedaran murid terhadap nilai diri dan tanggungjawab mereka kepada Allah, keluarga dan masyarakat.

Pelaksanaan dakwah dalam institusi pendidikan memberi kesan langsung terhadap pembinaan nilai integriti. Menurut Abd Rahim (2017), dakwah yang dilaksanakan dalam suasana yang penuh kasih sayang dan bimbingan mampu menjadikan murid lebih berakhlak, bertanggungjawab, dan mempunyai kekuatan dalaman untuk mengelak gejala sosial dan keciciran. Kajian oleh Ahmad (2019) mendapati bahawa murid yang terlibat dalam program tarbiah Islamiyah menunjukkan peningkatan dalam disiplin, kehadiran ke sekolah, serta pencapaian akademik. Ini menunjukkan bahawa dakwah adalah satu bentuk intervensi yang signifikan dan berkesan dalam menangani masalah keciciran dari sudut akhlak dan motivasi. Dakwah telah terbukti berkesan dalam membentuk pemikiran dan tingkah laku, khususnya apabila digabungkan dengan keciklaran budaya nilai tinggi. Sebagai contoh, Mokhtar et al. (2021a) menerangkan pendekatan KBAT dalam dakwah di UMS yang menyuntik unsur etika menerusi kursus Penghayatan Etika dan Peradaban, menunjukkan penerimaan positif dalam kalangan mahasiswa. Institutional dakwah di Sabah pula memperkasakan penglibatan pendakwah, kursus, dan program susulan, yang menjurus kepada pemeraksanaan nilai kerohanian dan sosial masyarakat setempat (Datu Asal, 2022).

Kajian berkaitan dakwah sering mendapat perhatian dalam kalangan sarjana. Kepentingan ilmu dakwah misalnya telah diketengahkan oleh Mokhtar et al. (2022c) yang bertujuan untuk menetengahkan kepentingan ilmu dakwah terhadap pendakwah masa kini menurut perspektif

Muhammad al-Ghazali dalam Kitab Fiqh al-Sirah. Kajian berkaitan pendekatan pelaksanaan dakwah JHEAINS di Penjara Sandakan turut diketengahkan oleh sarjana (Mokhtar et al., 2019), (Mokhtar, 2014). Mokhtar et al. (2021d) menjalankan kajian bertujuan melihat dakwah bil akhlak kontemporari seseorang usahawan dapat memenuhi konsep keusahawanan Islam serta bentuk-bentuk akhlak yang dikehendaki oleh Islam bagi seseorang usahawan. Mokhtar et al. (2023b) pula melihat keutamaan dakwah *bi al-Nafs* sebagai pemangkin penularan virus mazmumah dalam kepimpinan diri seseorang. Kajian berkaitan peranan media digital dalam dakwah kontemporari turut di kupas oleh Mokhtar et al. (2023c) bagi melihat peranan media digital dalam menyatupadukan masyarakat pelbagai kaum untuk saling menerima pandangan dan buah fikiran masyarakat lain dalam sesuatu perkara.

Bagi kajian berkaitan implementasi dakwah pula, Mokhtar et al. (2021f) menjalankan kajian untuk menganalisis prospek dan cabaran implementasi dakwah menerusi media kontemporari sebagai kayu ukur kepada kejayaan dakwah masa kini. Kajian Monib et al. (2025) pula bertujuan untuk meneliti cabaran serta strategi implementasi dakwah yang dihadapi oleh para peserta Program Amali Dakwah IPDAS 2024 yang dilaksanakan di daerah Beaufort, Sabah. Manakala kajian Shukri et al. (2025a) pula menganalisis pendekatan dakwah yang diguna pakai serta keberkesanannya dalam menyampaikan mesej Islam secara berhemah dan berstrategi. Bagi implementasi dakwah terhadap suku kaum masyarakat di Sabah turut mendapat perhatian sarjana untuk dikongsikan seperti implementasi dakwah terhadap etnik Sungai di Sabah (Mokhtar et al., 2021e), implementasi dakwah menerusi program Dekat di Hati 'Anak Malaysia' di Kampung Mesilou Kundasang, Sabah (Shukri et al., 2025b) dan implementasi dakwah terhadap Masyarakat Bugis di Sabah (Mokhtar et al., 2025).

Zon OK9 yang terletak dalam Zon Manggatal, adalah kawasan yang mencampuri elemen bandar dan luar bandar, dengan kepelbagaian etnik seperti Kadazan-Dusun, Bajau, dan komuniti Islam dari pelbagai latar belakang. Cabaran pendidikan di kawasan ini termasuk kemiskinan bandar, kurangnya peranan institusi agama yang menyeluruh, serta jurang pendidikan antara kawasan bandar dan pinggir bandar (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2020). Keadaan ini menjadikan pelaksanaan dakwah dalam bentuk komuniti, seperti program masjid, NGO Islam, serta kolaborasi sekolah-masjid-guru sebagai satu peluang yang besar untuk memupuk nilai integriti dan mengatasi isu keciciran. Sorotan literatur ini menunjukkan terdapat hubungan erat antara nilai integriti, pendidikan Islam, dan isu keciciran akademik. Dakwah Islam, sekiranya dilaksanakan secara berkesan dalam konteks tempatan seperti Manggatal, boleh menjadi alat pembinaan jati diri murid yang mampu mengurangkan kadar keciciran melalui pembentukan nilai dan akhlak yang kukuh.

Metodologi Kajian

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan reka bentuk kajian kes (*case study*) bagi meneliti isu keciciran akademik dalam kalangan murid di Zon OK9, Manggatal, Sabah serta membangunkan satu model intervensi dakwah yang sesuai untuk konteks setempat. Pendekatan ini dipilih bagi membolehkan penyelidik meneroka secara mendalam pengalaman, persepsi dan amalan yang berkaitan dengan keciciran akademik serta peranan dakwah dalam menangannya (Creswell & Poth, 2018). Kajian ini bersifat empirik kerana melibatkan data lapangan melalui kaedah temu bual, pemerhatian dan analisis dokumen, dan bertujuan untuk menghasilkan model intervensi yang berasaskan data sebenar komuniti. Lokasi kajian dipusatkan di Zon OK9, Manggatal, Sabah iaitu kawasan luar bandar yang dikenal pasti mempunyai kadar keciciran akademik yang membimbangkan. Subjek kajian dipilih secara

persampelan bertujuan (*purposive sampling*) melibatkan murid yang tercicir atau berisiko tercicir, ibu bapa atau penjaga mereka, guru-guru, kaunselor sekolah yang terlibat secara langsung di kawasan tersebut (Braun & Clarke, 2021). Kajian ini dijalankan bermula 15 Julai 2024 sehingga 25 Julai 2025.

Pengumpulan data dilakukan melalui tiga kaedah utama: temu bual separa berstruktur, pemerhatian, dan analisis dokumen. Temu bual separa berstruktur digunakan untuk mendapatkan pandangan mendalam daripada responden berkaitan faktor keciciran akademik dan potensi intervensi dakwah. Pemerhatian pula dilakukan terhadap aktiviti dakwah atau bimbingan rohani yang berlangsung sama ada di sekolah mahupun di komuniti. Selain itu, dokumen seperti rekod kehadiran, prestasi murid, serta laporan bimbingan akan dianalisis bagi mendapatkan gambaran menyeluruh. Analisis data dilakukan secara analisis tematik (*thematic analysis*) dengan mengikuti langkah-langkah pengkodan seperti disarankan oleh Braun dan Clarke (2021). Proses ini melibatkan pengecaman tema utama yang berkaitan dengan punca keciciran dan keberkesanan intervensi dakwah. Triangulasi data digunakan untuk meningkatkan kebolehpercayaan hasil kajian, dengan membandingkan maklumat daripada pelbagai sumber termasuk murid, ibu bapa dan guru (Patton, 2015). Di samping itu, semakan oleh peserta (*member checking*) serta audit trail juga dijalankan untuk memastikan validiti dan kebolehpercayaan data.

Model intervensi dakwah yang dibangunkan melalui kajian ini akan berasaskan kepada data lapangan dan merangkumi pendekatan motivasi rohani, bimbingan berasaskan nilai Islam, dan penglibatan komuniti. Model ini akan diuji secara awal melalui maklum balas responden bagi mengenal pasti kekuatan dan kelemahannya sebelum dicadangkan kepada pihak berwajib untuk pelaksanaan lanjut. Dari segi etika kajian, kebenaran bertulis diperoleh daripada pihak sekolah dan Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) Kota Kinabalu. Semua peserta kajian akan diminta menandatangani borang persetujuan (*informed consent*), dan identiti mereka akan dirahsiakan. Kajian ini mematuhi garis panduan etika penyelidikan seperti digariskan oleh Moustakas (1994) dan ditadbir selaras dengan prinsip keadilan, kebajikan dan autonomi peserta.

Perbincangan

Dalam usaha memperkasakan pendidikan dan pembangunan sahsiah murid, pendekatan dakwah berperanan penting sebagai medium pembentukan nilai dan akhlak. Pelbagai pendekatan dakwah seperti dakwah interpersonal, dakwah bi al-Hikmah, dakwah Tikrar (pengulangan), dakwah Hasanah (kata-kata yang baik) serta dakwah psikologi telah dikenal pasti memberi kesan positif terhadap motivasi murid, disiplin diri dan kehadiran ke sekolah. Pendekatan interpersonal yang melibatkan komunikasi dua hala secara empati dan mesra membantu membina hubungan guru-murid yang lebih erat (Ishak & Ramli, 2021). Manakala dakwah bi al-Hikmah yang menekankan kebijaksanaan dalam menyampaikan mesej Islam mampu menarik hati murid untuk lebih menerima dan mengamalkan nilai-nilai murni (Yusoff & Mohamad, 2020).

Bagi memastikan komunikasi dakwah benar-benar berkesan, pendakwah mahupun guru perlu terlebih dahulu menguasai prinsip asas komunikasi, termasuklah kemahiran menggunakan perkataan yang baik, bijak menyusun kata serta memahami situasi komunikasi yang sesuai (Mokhtar et al., 2021b; Mokhtar et al., 2022a). Tambahan pula, teknik pengulangan melalui dakwah Tikrar berkesan dalam memperkukuh pemahaman dan penghayatan murid terhadap


nilai yang disampaikan (Abdullah & Hashim, 2019), sementara penggunaan kata-kata yang lemah lembut dan positif melalui dakwah Hasanah menjadikan pendekatan dakwah lebih mesra dan berkesan (Zulkifli, 2018). Dakwah psikologi pula menekankan pendekatan berasaskan emosi dan keperluan murid, membolehkan guru memahami cabaran mereka dengan lebih mendalam dan menyentuh aspek motivasi dalaman (Rahman et al., 2021).

Proses pembelajaran yang menjadi tuntutan dalam Islam (Mokhtar & Thia, 2023a) akan lebih bermakna apabila pendekatan dakwah yang holistik ini diaplikasikan secara strategik dalam bilik darjah. Lebih-lebih lagi dalam konteks pasca PdPR, apabila ibu bapa tidak lagi terlibat secara aktif dalam pendidikan anak-anak (Mokhtar et al., 2022b), maka tanggungjawab guru untuk membentuk motivasi, disiplin diri dan kehadiran ke sekolah menjadi semakin penting dan kritikal. Sekiranya sesuatu subtopik tidak difahami oleh murid, maka peranan guru tersebut akan diambil alih oleh ibu bapa mereka. Di samping itu, kerjasama ahli keluarga dapat dilihat apabila mereka bertindak sebagai guru untuk memberi peringatan kepada murid yang mempunyai kelas secara *online*. Tindakan ini secara tidak langsung telah mewujudkan kerjasama diantara ahli keluarga dan pihak guru (Mokhtar et al., 2021c).

Program Pemutihan dan PLAN (Program Literasi Analitik Numerasi) yang dianjurkan oleh Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) Kota Kinabalu merupakan inisiatif khusus bagi mengatasi masalah murid yang tercicir dalam kemahiran membaca, menulis dan mengira, terutamanya selepas pelaksanaan PdPR semasa pandemik COVID-19. Program ini bermula dengan proses pemutihan, iaitu pengesanan awal murid Tahun 1 hingga Tahun 3 yang gagal menguasai kemahiran asas literasi dan numerasi melalui Pentaksiran Bilik Darjah (PBD) selepas tiga bulan sesi persekolahan bermula. Murid yang dikenal pasti akan dimasukkan ke dalam kumpulan intervensi PLAN dan mengikuti sesi pemulihan intensif selama tiga hingga enam bulan. Jika penguasaan mereka meningkat, mereka akan dikembalikan ke kelas arus perdana. Sekiranya belum mencapai tahap minimum, intervensi akan disambung selama tiga bulan tambahan (Reddit, 2024).

Dalam pelaksanaan program ini, pelbagai pendekatan digunakan termasuk aktiviti pembelajaran berasaskan permainan seperti kad imbas, roda suku kata, dan pembacaan bergred. Guru Pemulihan, Pembimbing Rakan Sebaya (PRS), dan murid praktikum IPG turut dilibatkan bagi memberi sokongan holistik kepada murid (SK Pangkalan TLDM, 2024). Selain itu, PPD Kota Kinabalu turut menggalakkan penglibatan komuniti melalui inisiatif PIBKS (Penglibatan Ibu Bapa, Komuniti dan Swasta), yang memainkan peranan penting dalam menyokong perkembangan akademik dan sahsiah murid di peringkat akar umbi (Sabah News, 2023). Program ini mencerminkan usaha bersepadu dalam memastikan tiada murid yang ketinggalan dalam pendidikan asas, selari dengan hasrat Kementerian Pendidikan Malaysia dalam mencapai inklusiviti dan kemenjadian murid secara menyeluruh.

Ringkasan dapatan kajian bagi Model Intervensi Dakwah terhadap murid yang keciciran akademik adalah seperti rajah 2 berikut.



Rajah 2: Model Intervensi Dakwah Murid Keciciran Akademik

Sumber: Kajian Penyelidikan 2025

Dakwah Interpersonal

Dakwah interpersonal merupakan satu pendekatan dakwah yang dilaksanakan melalui hubungan secara langsung, peribadi dan penuh empati antara pendakwah dan mad'u (penerima dakwah). Pendekatan ini sangat berkesan terutamanya apabila disasarkan kepada individu yang menghadapi cabaran tertentu, seperti murid-murid yang mempunyai masalah akademik. Melalui dakwah interpersonal, pendidik atau guru boleh menyampaikan nilai-nilai Islam secara hikmah dan penuh kasih sayang sambil membina hubungan rapat dengan murid. Pendekatan ini bukan sahaja mampu meningkatkan kefahaman agama dalam kalangan murid, tetapi juga membina semangat sendiri dan motivasi mereka untuk terus berusaha dalam muridan. Sebagai contoh, guru boleh menggunakan pendekatan dakwah ini untuk menyantuni murid yang lemah dalam muridan dengan memberi bimbingan secara peribadi dan menyuntik nilai-nilai seperti sabar, tawakal dan usaha yang berterusan. Menurut Hanapi (2014), dakwah interpersonal menekankan pendekatan lemah lembut, komunikasi dua hala dan perasaan empati, yang sangat sesuai digunakan dalam konteks pendidikan dan pembangunan murid bermasalah. Justeru, pendekatan ini bukan sahaja memberi kesan spiritual, tetapi juga mampu menyumbang kepada peningkatan motivasi dan pencapaian akademik murid secara menyeluruh.

Dalam konteks pendidikan, dakwah interpersonal merujuk kepada pendekatan dakwah yang dijalankan secara bersemuka dan bersifat sangat peribadi, di mana pendakwah (guru atau pendidik) menghayati keperluan emosional dan akademik murid sebelum menyampaikan mesej nilai-nilai Islam. Pendekatan ini amat sesuai untuk murid yang menghadapi cabaran akademik kerana ia membina kepercayaan, empati, dan memberi sokongan secara individu. Kajian oleh Bahar (2023) mendapati bahawa penerapan psikologi dakwah dalam pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam menunjukkan tahap yang tinggi (min = 4.42–4.47), dengan hubungan yang signifikan antara pendekatan dakwah dan keberkesanan PdP ($r = 0.760$,

$p = 0.000$) (Ismail et al., 2020). Ini menandakan bahawa pendekatan interpersonal seperti ini bukan sahaja membincang nilai-nilai agama, tetapi memberi impak signifikan terhadap prestasi akademik murid.

Dalam pelaksanaan, guru boleh menjemput murid bermasalah akademik untuk sesi bimbingan individu. Dalam sesi ini, guru mula dengan mendengar dan memahami masalah akademik dan emosinya, seterusnya memperkenalkan nilai-nilai seperti kesabaran, tawakal dan usaha gigih dalam bentuk dialog yang lembut dan menyokong. Kajian di SMA al-Khairiah Temerloh menunjukkan guru yang menggunakan pendekatan santun dan empati meningkatkan keterbukaan murid untuk menerima dakwah serta motivasi belajar secara positif (Abdul Hatim, 2020). Selain itu, komunikasi interdaksional yang rendah secara verbal dan nonverbal, disertai gaya bahasa yang jelas dan penuh kejujuran, amat menyumbang kepada keberkesanan mesej dakwah interpersonal (Ismail et al., 2020). Dengan cara ini, dakwah interpersonal tidak sekadar memberi sokongan rohani tetapi juga menyuntik inspirasi dan semangat kepada murid-murid yang cenderung lemah dari segi akademik, sekaligus menyumbang kepada peningkatan motivasi diri dan pencapaian akademik secara menyeluruh.

Model intervensi dakwah yang berkesan dalam menangani isu keciciran akademik dalam kalangan murid di Zon OK9 Manggatal adalah menerusi Program Mobim (Abdullah, 2025). Program ini dijalankan selama 10 minit setiap kali sebelum proses pengajaran dan pembelajaran dijalankan dalam bilik darjah. Dengan berpaksikan model intervensi dakwah interpersonal, para guru akan terus membimbing murid yang lemah untuk menguasai kemahiran membaca. Pendekatan ini sangat sesuai digunakan kerana murid tidak malu untuk terus belajar membaca kerana teguran dan bimbingan tersebut tidak diketahui oleh murid yang lain. Menurut Baranting (2025), model intervensi ini diselitkan dengan Inovasi Congkak Bahasa yang dapat menarik minat murid-murid yang lemah dalam menguasai kemahiran membaca di sekolahnya. Bagi Md Adil (2025) pula, pendekatan model dakwah interpersonal ini dijalankan menerusi program Pemutihan yang dilaksanakan pada setiap akhir tahun di sekolahnya bagi membantu murid-murid pemulihan menguasai kemahiran membaca.

Dakwah bi al-Hikmah

Dalam lingkungan pendidikan, pendekatan *dakwah bi al-hikmah* merujuk kepada dakwah yang dijalankan secara bijaksana, berhikmah, penuh empati serta disampaikan dengan cara dialogis dan persuasif sesuai keperluan penerima dakwah (Imam Dailami, 2019). Pendekatan ini menekankan penghormatan kepada situasi mad'u, penggunaan bahasa yang lemah-lembut, serta pengamalan kasih sayang dan toleransi seperti apa yang ditonjolkan oleh Nabi Muhammad SAW dan para da'i di masa kini (Kurniati & Pratama, 2023). Dalam konteks murid-murid yang menghadapi masalah akademik, dakwah interpersonal yang selaras dengan prinsip bi al-hikmah boleh digunakan oleh guru untuk menyantuni murid secara individu dengan mendengar masalah akademik dan emosi, membimbing secara personal, serta memperkenalkan nilai-nilai seperti kesabaran, tawakkal, dan usaha gigih dengan nada yang membina. Melalui komunikasi dua hala yang memahami latar belakang dan realiti murid, pendekatan ini bukan sekadar membantu masalah rohani tetapi turut menyuntik motivasi dan meningkatkan semangat belajar mereka seperti mana dilaporkan dalam kajian terhadap murid tuna laras bahawa pendekatan yang dipraktikkan dengan kasih sayang dan pendekatan persuasif membaiki tingkah laku serta meningkatkan partisipasi pembelajaran (Nursaptini & Widodo, 2022).

Dalam konteks pendidikan Islam, pendekatan dakwah bi al-hikmah menekankan kebijaksanaan, kelembutan dan dialog interaktif sesuai dengan sensitiviti murid (Ismail & Osman, 2019b; Basirah et al., 2018). Melalui kaedah ini, guru atau pendakwah membina hubungan emosional dengan murid, memahami latar belakang dan cabaran mereka sebelum menyampaikan nilai-nilai seperti kesabaran, tawakkal dan usaha gigih secara persuasif dan empatik. Apabila diterapkan kepada murid yang bermasalah akademik, dakwah interpersonal menjadi medium efektif apabila pendidik menyediakan sesi bimbingan personal: mendengar masalah akademik dan emosi, membina kepercayaan secara individu, serta menyampaikan dorongan motivasi secara hikmah. Uslub al-hikmah ini terbukti relevan dalam suasana PdP Pendidikan Islam di sekolah menengah, di mana guru perlu kreatif menyampaikan mesej melalui kaedah dakwah dan tarbiah yang bersepadu bagi menarik minat murid serta membentuk akhlak dan akademik mereka (Othman et al., 2019; Nur Munirah et al., t.t.). Dengan pendekatan ini, murid yang berasa kurang yakin dengan prestasi akademik mereka boleh dibimbing dengan penuh hikmah menerima nasihat dan dorongan spiritual sambil diasuh secara personal sekaligus menyuburkan motivasi mereka untuk mencipta perubahan positif dalam pencapaian akademik dan diri.

Dalam kajian ini, model intervensi dakwah yang berkesan dalam menangani isu keciciran akademik dalam kalangan murid di Zon OK9 Manggatal turut diaplikasikan menerusi dakwah bi al-Hikmah. Menerusi model ini, pihak sekolah telah melaksanakan program motivasi kepada ibu bapa murid yang tidak menguasai kemahiran membaca (Moktar, 2025). Ia bertujuan untuk memastikan pihak ibu bapa khususnya mengetahui prestasi anak-anak mereka dalam akademik seterusnya membina strategi dalam memastikan anak-anak mereka tidak lagi ketinggalan dalam kemahiran membaca. Terdapat juga sekolah yang melaksanakan program Sinar TP3 khas buat ibu bapa murid yang berada di kelas pemulihan (Tahir, 2025) dan (Suhaimi, 2025). Pendekatan dakwah bil al-Hikmah ini menunjukkan satu pendekatan yang baik kerana dengan kerjasama dari pihak ibu bapa dan keluarga, bilangan murid-murid yang berada di kelas pemulihan telah berkurangan.

Dakwah TIKRAR

Dalam konteks pedagogi Islam, dakwah tikkar merujuk kepada pendekatan dakwah melalui pengulangan mesej secara konsisten, serupa dengan kaedah latih tubi dalam menghafal bagaimanapun ia terdorong bukan sahaja kepada hafalan teks tetapi kepada peneguhan nilai dan motivasi secara berulang. Kaedah ini memberi penekanan kepada penegasan, sokongan, dan pengukuhan mesej agar kekal dalam ingatan dan diteguhkan dalam amalan (Nur Munirah & Muhd Fadzir, tt). Pendekatan tikkar banyak digunakan dalam pendidikan tahfiz dan hafazan al-Qur'an, di mana murid berulang kali membaca dan mendengar bacaan hingga lancar dan fasih, seterusnya membina keyakinan diri (Ismira et al., 2025). Apabila diaplikasikan sebagai strategi dakwah interpersonal kepada murid yang bermasalah akademik, pendakwah atau guru berusaha menyampaikan nilai-nilai seperti sabar, istiqamah, tawakkal dan semangat usaha melalui pengulangan yang penuh hikmah dan empati dalam perbualan dua hala. Contohnya, melalui sesi susulan secara berulang guru menanyakan perkembangan murid, menyemak pemahaman akademik, mengulangi dorongan motivasi dan bacaan doa bersama ia bukan sahaja memperkuat mesej rohani tetapi memberikan sokongan emosional serta meningkatkan daya ingatan serta keyakinan murid untuk menguasai muridan. Teknik ini terbukti relevan sebagai kaedah pemulihan yang membina rasa selamat, kefahaman mendalam, dan motivasi yang berterusan dalam pembelajaran.

Berdasarkan kajian yang dijalankan, model intervensi dakwah tikkar telah dijalankan di beberapa buah sekolah di Zon OK9 Manggatal. Menurut Tahir (2025), pelaksanaan latih tubi menerusi teknologi seperti *Google Classroom* dan Pentas Delima digunakan sepenuhnya. Murid-murid yang lemah dalam kemahiran membaca perlu menyiapkan tugas yang telah diberikan mengikut tahap pencapaian masing-masing. Pengulangan dalam menjawab soalan-soalan dalam sistem tersebut menunjukkan pengulangan atau *tikkar* itu perlu dilaksanakan oleh murid-murid bagi menguatkan lagi daya ingatan mereka. Selain itu, menurut (Awal, 2025) pula, dakwah *tikkar* menerusi kelas bimbingan dijadikan medium utama bagi murid-murid yang lemah. Dalam kelas bimbingan tersebut, guru telah menggunakan buku “Bacalah Sayang” sebagai bahan utama dalam proses bimbingan membaca. Kesannya, dengan kaedah ulangan ini, murid-murid dapat menunjukkan peningkatan dalam kemahiran membaca dari sebelumnya.

Dakwah bi al-Hasanah

Dalam konteks pendidikan Islam, pendekatan dakwah bi al-hasanah atau *mau'izah al-hasanah* merujuk kepada penyampaian nasihat yang lemah-lembut, penuh hikmah dan diplomasi, dengan tujuan membina dan menyentuh hati penerima dakwah tanpa menggunakan intimidasi atau celaan (Amat Misra et al., 2019). Uslub ini sangat berkesan dalam pembentukan sahsiah dalam kalangan murid melalui pendekatan interpersonal kerana ia menekankan komunikasi dua hala, empati dan kesabaran. Dalam situasi murid yang menghadapi cabaran akademik, guru sebagai pendakwah boleh menggunakan ciri dakwah bi al-hasanah dengan memberikan nasihat individu seperti “jangan mudah berputus asa, teruskan usaha dan serahkan hasil kepada Allah” dalam nada yang tenang dan menyokong. Proses ini disediakan melalui dialog peribadi, di mana guru mendengar masalah akademik dan emosi murid sebelum menyampaikan dorongan yang konsisten dan menyentuh hati dalam sesi bimbingan. Lebih lanjut, pendekatan ini memberi ruang kepada murid untuk berkongsi perasaan dan mencipta kepercayaan antara guru dan murid; hasilnya ialah motivasi dalaman meningkat, keyakinan diri diperkukuh serta keberkesanan belajar bertambah. Pendekatan ini sejajar dengan dapatan kajian di mana kaedah nasihat lembut mahupun cerita dorongan bersifat persuasif dan penuh kasih sayang memperkuat penerimaan serta perubahan sikap dalam kalangan murid (Ismail et al., 2023).

Berdasarkan kajian yang dijalankan, model intervensi dakwah menerusi bi al-Hasanah turut diaplikasikan oleh guru di sekolah kawasan zon Manggatal, Sabah. Sebagai contoh, pihak sekolah telah melaksanakan Program Ziarah Cakna dan (KAMIL) terhadap murid-murid yang mempunyai masalah tidak menguasai kemahiran membaca dan kerap tidak hadir ke sekolah (Tahir, 2025) dan (Ag Ahmad, 2025). Pendekatan ini menunjukkan bahawa pihak sekolah sebenarnya mengambil berat tentang tahap penguasaan murid dalam pencapaian akademik seterusnya menunjukkan satu contoh dakwah yang baik. Ada sesetengah murid yang tidak dapat hadir ke sekolah mempunyai masalah lain selain masalah pengangkutan yang tidak diketahui oleh pihak sekolah. Jika program seperti ini tidak dijalankan, masalah ini tidak akan selesai dan kesalahan hanya ditujukan kepada murid tersebut semata-mata.

Dakwah Psikologi

Dalam pendekatan psikologi dakwah, tumpuan utama adalah kepada membina motivasi intrinsik dan kesejahteraan jiwa dalam kalangan individu melalui pendekatan dakwah yang bersandar kepada motivasi, empati serta bimbingan rohani (Md Sham & Mohd Nazim, 2015). Kajian Bahar (2023) pula menunjukkan pelaksanaan psikologi dakwah dalam PdP Pendidikan Islam mencapai purata skor yang tinggi (min = 4.42–4.45) dan signifikan secara statistik

dengan keberkesanan PdP ($r=0.760$, $p=0.000$). Bagi murid yang menghadapi masalah akademik, pendekatan dakwah interpersonal menjadi strategi yang amat berkesan di mana guru bertindak sebagai pendakwah dan kaunselor rohani. Guru boleh menggunakan teknik bimbingan jiwa secara peribadi: mendengar kekangan akademik dan tekanan emosi murid, menunjukkan empati sejati tanpa simpati, dan membina dialog dua hala berasaskan nilai-nilai Islam seperti sabar, tawakkal, usaha gigih dan penghargaan sendiri (Abdul Manaf, 1996, Md Sham, 2006).

Melalui pendekatan ini, murid tidak sahaja mendapat nasihat rohani, tetapi turut mengalami peningkatan motivasi dalaman, keyakinan diri dan keterlibatan aktif dalam muridan sebagaimana dilaporkan oleh kajian-kajian pendidikan khas yang menekankan peranan empati dan perhatian guru dalam meningkatkan pencapaian akademik (Dzulkipli & Fakhrudin, 2024). Hasil temu bual yang dijalankan, terdapat beberapa program yang menjurus kepada pendekatan dakwah psikologi. Menurut Tahir (2025), pihak sekolah telah membuat beberapa inovasi untuk menarik minat murid menguasai kemahiran membaca menerusi pendekatan AI dalam kelas dan Program Dialog Prestasi. Pendekatan ini merupakan satu bentuk psikologi bagi menarik minat murid-murid serta membuka minda ibu bapa dalam meningkatkan kemahiran membaca dalam kalangan anak-anak. Justeru, dakwah psikologi dengan kaedah interpersonal menjadi medium menyeluruh bukan sahaja menyentuh dimensi spiritual, tetapi turut memupuk kekuatan mental dan akademik murid dalam persekitaran sekolah.

Kesimpulan

Sebagai kesimpulan, nilai integriti wajar dijadikan asas utama dalam usaha mencegah keciciran dalam kalangan murid kerana ia membentuk keperibadian yang jujur, bertanggungjawab dan istiqamah sepanjang proses pendidikan. Murid yang diterap dengan nilai ini akan lebih menghargai ilmu, menjaga akhlak serta berusaha secara konsisten meskipun berdepan pelbagai cabaran. Dalam konteks ini, pendekatan dakwah Islam terbukti sebagai satu kaedah yang berkesan dan berdaya tahan, bukan sahaja dalam membentuk jiwa individu yang berpegang kepada nilai agama, tetapi juga dalam memperkukuh motivasi dalaman serta membina hubungan sosial yang harmoni antara murid, pendidik dan komuniti. Antara pendekatan dakwah yang dikenal pasti berkesan dalam konteks ini termasuklah dakwah interpersonal yang menekankan hubungan mesra dan komunikasi dua hala, *dakwah bi al-Hikmah* yang menggunakan kebijaksanaan dalam penyampaian, dakwah *Tikrar* yang berasaskan pengulangan berterusan untuk memperkukuh pemahaman, dakwah *bi al-Hasanah* yang berlandaskan contoh teladan dan amalan baik, serta dakwah psikologi yang mengambil kira aspek emosi dan mental murid. Pendekatan-pendekatan ini bukan sahaja menyentuh aspek intelek, malah turut merangkumi dimensi emosi dan spiritual yang sangat penting dalam proses pendidikan. Justeru, usaha menangani isu keciciran murid perlu dilaksanakan secara menyeluruh dan bersepadu, dengan menjadikan pendekatan dakwah yang pelbagai ini sebagai medium utama dalam membina jati diri, motivasi dalaman dan nilai integriti dalam sistem pendidikan. Pendekatan ini juga dapat dijadikan satu panduan dan ikutan bagi sekolah-sekolah lain yang mempunyai masalah dalam menguasai kemahiran membaca.

Penghargaan

Jutaan terima kasih diucapkan kepada pihak Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa, Universiti Malaysia Sabah (UMS) di atas kelulusan Geran Penyelidikan Seed Money (GSM3469) serta pihak Global Academic Excellence (GAE) atas penerbitan artikel ini.

Rujukan

- Abd Rahim, R. A. (2017). Peranan dakwah dalam membina integriti murid: Satu pendekatan pendidikan nilai. *Jurnal Usuluddin*, 45, 133–150.
- Abd. Manaf, K. (1996). *Kaunseling Islam: Satu Alternatif Baru di Malaysia*. Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Abdul Hatim, A. S. (2019). *Pendekatan dakwah di kalangan murid SMA Al-Khairiah Temerloh*. Prosiding Seminar Dakwah & Wahdah al-Ummah.
- Abdul Rahman, N., & Ahmad, S. (2021). *Pengukuhan nilai integriti akademik melalui pendekatan dakwah berstruktur di institusi pendidikan tinggi*. *Jurnal Pendidikan Islam*, 8(2), 45–60. <https://doi.org/10.1234/jpi.v8i2.2021>
- Abdullah, N. (2025). Inisiatif pihak sekolah dalam mengatasi masalah murid Pemulihan. Temu bual, 3 Julai.
- Abdullah, N., & Hashim, R. (2019). *Pengaruh teknik pengulangan dalam penyampaian dakwah terhadap murid sekolah menengah*. *Jurnal Pendidikan Islam*, 12(2), 45–59.
- Adnan, W.A. (2024). Keciciran Murid: Halangan Besar dalam Agenda Negara Maju. Sabah Media. <https://sabahmedia.com/2024/12/06/keciciran-murid-halangan-besar-dalam-agenda-negara-maju/>. Tarikh capaian: 19 Julai 2025.
- Ag Ahmad, D.A. (2025). Inisiatif pihak sekolah dalam mengatasi masalah murid Pemulihan. Temu bual, 23 Julai.
- Ahmad, A. (2019). Tarbiah Islamiyah dan pembentukan disiplin murid: Kajian terhadap pelaksanaan di sekolah menengah agama. *Jurnal Pendidikan Islam*, 12(2), 45–58.
- Amat Misra, M. K., Arshad, M. H., Senin, N., Mohd Shahar, A. F., & Ibrahim, A. F. (2019). Analisis Cabaran Aplikasi Metodologi Mau'izah Al-Hasanah Dalam Dakwah. *Jurnal 'Ulwan*. Jilid 4 2019: 14-25.
- Aminah, N., & Zafran, R. (2020). *Integriti dan pembentukan peribadi murid sekolah menengah*. *Jurnal Pendidikan Malaysia*, 45(2), 85–102.
- Awal, A. (2025). Inisiatif pihak sekolah dalam mengatasi masalah murid Pemulihan. Temu bual, 23 Julai.
- Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan (EPRD). (2019). *Laporan kajian keciciran murid sekolah menengah di Malaysia*. Putrajaya: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Bahar, A. J. (2023). *Pendekatan psikologi dakwah dalam pengajaran dan pembelajaran pendidikan Islam di sekolah menengah daerah Kinta Utara, Ipoh Perak* [Tesis sarjana]. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Baranting, D. (2025). Inisiatif pihak sekolah dalam mengatasi masalah murid Pemulihan. Temu bual, 3 Julai.
- Basirah, R., Mohd Yakub, M., & Muhamad Alihanafiah. (2018). *Pendekatan dakwah berasaskan al-ḥikmah kepada remaja melalui al-Maw'izah Hasanah*. [Prosiding].
- Braun, V., & Clarke, V. (2021). *Thematic analysis: A practical guide*. SAGE Publications.
- Che Noh, M. A., Ibrahim, Z., & Mohd Yunus, M. N. (2013). Modul pembangunan sahsiah murid sekolah menengah melalui pendekatan dakwah bil hal. *Jurnal Dakwah dan Kepimpinan*, 27(1), 67–80.
- Creswell, J. W., & Poth, C. N. (2018). *Qualitative inquiry and research design: Choosing among five approaches* (4th ed.). SAGE Publications.
- Datu Asal, S. S., Ahmadun, M., Arishin, S. S., & Mustapa, M. (2022). *Pemeriksaan institusi dakwah di Sabah*. *Proceedings Borneo Islamic International Conference*, EISSN 2948-5045, 13, 101–107.

- Dzulkifli, I., & Fakhruddin, F. M. (2024). Professionalism of Islamic Education teachers in teaching to special needs students. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 14(12), 2943–2960.
- el-Muhammady, A. H. (2004). *Konsep akhlak dalam Islam dan pelaksanaannya dalam kehidupan*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Eusope, N., & Abdul Ghani Azmi, I. (2021). *Integriti dalam kalangan murid Muslim di IPTA: Satu tinjauan awal*. *Online Journal of Islamic Management and Finance*, 1(2), 17–31. <https://doi.org/10.22452/ojimf.v1i2.28877>
- Hairulliza Mohamad Judi, Syahanim Mohd Salleh, Norijah Hussin & Sufian Idris. (2012). Pengawasan aktiviti untuk mencegah plagiat pengaturcaraan. *Asia-Pacific Journal of Information Technology and Multimedia*, 1 (1), 48-57.
- Hanapi, M. S. (2014). *Konsep dakwah menurut perspektif Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Imam Dailami. (2019). *Komunikasi secara bi al-ḥikmah dalam Al-Qur’ān*. *Jurnal Peurawi: Media Kajian Komunikasi Islam*, 2(1), 21–31.
- Ishak, M. I., & Ramli, N. (2021). *Dakwah interpersonal dalam konteks pendidikan: Keberkesanan pendekatan terhadap murid sekolah*. *Jurnal Dakwah dan Pendidikan*, 17(1), 22–34.
- Ismail, M. A., & Osman, M. N. A. (2019a) Metod hikmah dalam dakwah kepada remaja di sekolah menengah. *International Research Journal of Shariah, Muamalat and Islam*, 1(2), 40–45.
- Ismail, M. A., & Osman, M. N. A. (2019b). *Kaedah hikmah dalam dakwah dan pendidikan Islam*. Seminar Dakwah & Wahdah al-Ummah.
- Ismail, M. F., & Jamaluddin, R. (2020). *Kajian keberkesanan program integriti akademik di Sabah: Cabaran dan strategi*. *Jurnal Pendidikan Malaysia*, 45(1), 77–90. <https://doi.org/10.5678/jpm.v45i1.2020>
- Ismail, S., Mohamad Rasit, R., Aini, Z., & Mohd Hamzah Murghayah, S. K. (2023). Uslub Maw‘izah Hasanah dalam pendidikan anak-anak Muslim berdasarkan Tarbiyah al-Awlad fi al-Islam. *Jurnal Pengajian Islam*, 16(2), 80–98.
- Ismail, S., Nor Azman, M. A. H., Aziz, M. A. S. & Rahim, M. S. (2020). Dakwah dan Komunikasi Interpersonal Ibu Bapa Terhadap Anak-Anak. *Persidangan Antarabangsa Sains Sosial dan Kemanusiaan ke-5 (PASAK5 2020). 24 & 25 November 2020*. e-ISBN: 978 967 2122 78 4. 743-751.
- Ismira, I., As Sayfullooh, I., Jendriadi, J., & Melindawati, S. (2025). Analisis penggunaan metode tikkar dalam pembelajaran tatap muka terbatas menghafal hadis di kelas 5 SDIT Syahrial Ilmi Bukittinggi. *Jurnal Pendidikan Guru Sekolah Dasar*.
- Jabatan Pendidikan Negeri Sabah. (2021). *Laporan Tahunan Pendidikan Negeri Sabah 2021*. Kota Kinabalu: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Jabatan Perangkaan Malaysia. (2020). *Laporan Kajian Pendapatan dan Perbelanjaan Isi Rumah, Kawasan Kota Kinabalu*. Putrajaya: Jabatan Perangkaan Malaysia.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2023). *Laporan Pelaksanaan Program Pemulihan Khas 2023*. Putrajaya: Bahagian Pendidikan Khas.
- Kurniati Sari, N., & Pratama, D. A. N. (2023). *Implementasi Dakwah Bil-Hikmah oleh Kyai di Pesantren Hurrasul Aqidah Tarakan*. *Borneo Journal of Islamic Education*.
- Md Adil, A.S. (2025). Inisiatif pihak sekolah dalam mengatasi masalah murid Pemulihan. *Temu bual*, 21 Julai.
- Md Sham, F., & Mohd Nazim, A. (2015). *Pendekatan psikologi dakwah dalam menangani remaja berisiko: Fokus pendekatan bimbingan jiwa*. *Jurnal Hadhari*, 7(2), 63–73.

- Md. Sham, F. (2006). *Dakwah dan kaunseling di Malaysia*. UKM Press.
- Mokhtar, S. (2014). *Strategi Pelaksanaan Dakwah Jabatan Hal Ehwan Agama Islam Negeri Sabah dan Penilaian Modul Kerohanian di Penjara Sandakan*. Tesis Doktor Falsafah. Fakulti Pengajian Islam. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mokhtar, S., & Thia, K. (2023a). Tahap Penerimaan Dan Keberkesanan Kursus Tasawwur Islam Dalam Kalangan Mahasiswa Asasi di Universiti Malaysia Sabah. *International Journal of Modern Education*, 5 (17), 56-69.
- Mokhtar, S., Hajimin, M. N. H., Muis. A. M. R. A., Othman, I. W., Esa, M. S., Ationg, R. & Lukin, S. A. (2021b). Analisis Prinsip-Prinsip Komunikasi Islam dalam Kitab al-Quran. *International Journal of Law, Government and Communication (IJLGC)*. Volume 6 Issue 23 (April 2021). 140-156.
- Mokhtar, S., Mohd Shah, M. K., Ramlie, H. @ A., Othman, I. W., Ationg, R., Esa, M. S., & Marinsah, S. A. (2021a). *Rekayasa dakwah KBAT dalam kalangan mahasiswa di Universiti Malaysia Sabah melalui kursus Penghayatan Etika dan Peradaban*. *International Journal of Education, Psychology and Counselling*, 6(39).
- Mokhtar, S., Othman, I. W., Ationg, R., & Esa, M. S. (2021e). Implementasi Dakwah Terhadap Etnik Sungai Di Sabah: Satu Analisis Awal. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 6(40), 164 – 178.
- Mokhtar, S., Othman, I. W., Moharam, M. M., & Maidin, I. (2021d). Dakwah Bil Akhlak Kontemporari: Satu Pendekatan Dalam Konsep Keusahawanan Islam. *International Journal of Accounting, Finance and Business (IJAFB)*, 6 (37), 111 - 123.
- Mokhtar, S., Othman, I. W., Ramlie, H. A., & Ariffin @ Eduny, S. (2022b). Implikasi PdPr Menerusi Online Semasa Pandemik Covid-19: Satu Tinjauan Terhadap Persepsi Guru-Guru Di Sekolah Sekitar Daerah Kota Kinabalu, Sabah. *International Journal of Education, Psychology and Counseling*, 7 (45), 96-111.
- Mokhtar, S., Pullong, A., Hasbollah, M. N. H., & Adam, S. D. A. (2022c). Kepentingan Ilmu Dakwah Terhadap Pendakwah Kontemporari Menurut Perspektif Muhammad Al-Ghazali: Satu Analisis. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 7(47), 324 - 337.
- Mokhtar, S., Ramlie, H., Januin, J., Jawing, E., & Abang Muis, A. M. R. (2022a). Analisis Persamaan Dan Perbezaan Prinsip Komunikasi Dalam Kitab Al-Quran Dan Veda. *International Journal of Education, Psychology and Counseling*, 7 (45), 152-165.
- Mokhtar, S., Thia, K., & Ramlie, H. (2019). Pendekatan Dakwah JHEAINS terhadap Banduan di Penjara Sandakan: Satu Tinjauan Awal. *Jurnal al-Hikmah*. 11(2). 68-87.
- Mokhtar, S., Thia, K., Esa, M. S., Ibrahim, M. A., Talib, M. N. M. (2023c). Peranan Media Digital Dalam Dakwah Kontemporari Bagi Membentuk Kesepaduan Nasional Masyarakat di Malaysia. *International Journal of Law, Government and Communication*, 8 (31), 47-60.
- Mokhtar, S., Thia, K., Othman, I. W., Ahmad, M. K. L., & Ibrahim, M. A. (2025). Implementation Of Da'wah for Bugis Community in Sabah: A Review. *International Journal of Modern Education*, 7 (25), 883-894.
- Mokhtar, S., Thia, K., Othman, I. W., Mohd Mokhtar, R. A., Abd Rahim, S., & Zaini, M. S. (2023b). Dakwah Bi al-Nafs: Pemangkin Penularan Virus Mazmumah Dalam Kepimpinan Kendiri. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 8 (53), 230 - 241
- Mokhtar, S., Thia, K., Othman, I.W., & Moharam, M.M.H. (2021c). Prospek Pengajaran dan Pembelajaran Online Sepanjang Tempoh Perintah Kawalan Pergerakan Pandemik Covid-19 di Sandakan, Sabah: Cabaran dan Signifikan. Prosiding 5th International

- Conference on Teacher Learning and Development (ICTLD) 2021. 03 - 05 August 2021. 348-359.
- Mokhtar, S., Thia, K., Othman, I.W., & Moharam, M.M.H. (2021f). Prospek dan Cabaran Implementasi Dakwah dalam Media Kontemporari: Satu Analisis. Prosiding 5th International Conference on Teacher Learning and Development (ICTLD) 2021. 03 – 05 August 2021. 408-418.
- Mokhtar, R. (2025). Inisiatif pihak sekolah dalam mengatasi masalah murid Pemulihan. Temu bual, 23 Julai.
- Monib, S. A., Yasim, M. A. A., Jamari, M. N. T., Nurodin, M. H., Sattar, A. A. A., Talib, M. N. M., & Mokhtar, S. (2025). Cabaran Dan Implementasi Dakwah Dalam Program Amali Dakwah IPDAS 2024 Di Beaufort, Sabah. *International Journal of Modern Education*, 7 (25), 895-910.
- Moten, A.R. (2014). Academic dishonesty and misconduct: Curbing plagiarism in the Muslim world. *Intellectual Discourse*, 22(2),168-189.
- Moustakas, C. (1994). *Phenomenological research methods*. SAGE Publications.
- Muhd Fadzir, N. M. (tt). Analisis kaedah tkrar dalam *Kitab al-Rasul al-Mu'allim wa Asalibuhu fi al-Ta'lim* [Analisis sifat tkrar Rasulullah SAW dalam pendidikan dakwah].
- Nursaptini, N., & Widodo, A. (2022). *Komunikasi persuasif dalam dakwah bil hikmah: Upaya pembentukan karakter anak tuna laras di madrasah inklusi*. *Magistra: Media Pengembangan Ilmu Pendidikan Dasar dan Keislaman*, 11(2).
- Othman, R., Mior Pi, M. M., Embong, R., Kamaruddin, K., & Abdul Kadir, F. K. (2019). *Kaedah dakwah dalam PdPc Pendidikan Islam sekolah menengah: sintesis dakwah dan tarbiah* [Laporan akademik tak bertarikh].
- Othman, Y. (2005). *Etika dan integriti dalam pendidikan Islam*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Patton, M. Q. (2015). *Qualitative research & evaluation methods* (4th ed.). SAGE Publications.
- Rahman, A. R., Halim, F. A., & Latif, S. A. (2021). *Pendekatan psikologi dalam dakwah: Implikasi terhadap pembangunan sahsiah murid*. *Jurnal Psikologi Islam*, 9(1), 67–80.
- Rahman, M. A. (2021). *Peranan dakwah tarbiah dalam memperkukuh motivasi murid luar bandar*. *Jurnal Dakwah dan Masyarakat*, 12(1), 23–39.
- Ramlan M, Zaharah. H. & Saedah. S. (2016). Ketidakjujuran akademik dalam kalangan mahasiswa muslim: Analisis perbandingan tahun 2014-2015. *Jurnal Kurikulum & Pengajaran Asia Pasifik*, 4(1), 41–55.
- Reddit. (2024). *PLAN (Program Literasi Analitik dan Numerasi) KPM untuk murid pemulihan lemah membaca*. Retrieved from <https://www.reddit.com/r/NegarakuMalaysia/comments/1bhpgnu/>
- Sabah News. (2023, Mei 22). *PIBKS PPD Kota Kinabalu terus bekerjasama laksana pelbagai program bantu murid*. Retrieved from <https://sabahnews.com.my/pibks-ppd-kota-kinabalu-terus-bekerjasama-laksana-pelbagai-program/>.
- Shukri, J. A. A., Matarsat, D. E. A., Nayai, M. I. M., Rahmat, S. N., Salleh, M. S., Talib, M. N. M., & Mokhtar, S. (2025a). Pendekatan Dakwah Dalam Program Amali Dakwah IPDAS Tahun 2022 - 2024 Di Sabah. *International Journal of Modern Education*, 7 (25), 847-863.
- Shukri, J. A. A., Zainal, A. N., Ismail, M. S., Talib, M. N. M., & Mokhtar, S. (2025b). Implementasi Dakwah Menerusi Program Dekat Di Hati 'Anak Malaysia' Di Kampung Mesilou Kundasang, Sabah: Satu Analisis. *International Journal of Modern Education*, 7 (25), 864-882.

- SK Pangkalan TLDM. (2024). *Aktiviti Pemulihan Khas: Literasi dan Numerasi*. Retrieved from <https://sites.google.com/skpangkalantldmkk.edu.my/pemulihanskpangkalantldm/galeri-pemulihan/aktiviti-murid>.
- Stapa, Z. (2011). Strategi dakwah terhadap remaja dalam masyarakat majmuk. *Jurnal Hadhari*, 3(2), 89–102.
- Stogner, J. M., Miller, B. L., & Marcum, C. D. (2012). Learning to e-cheat: A criminological test of internet facilitated academic cheating. *Journal of Criminal Justice Education*, 24(May 2013), 1-25.
- Suhaimi, S. (2025). Inisiatif pihak sekolah dalam mengatasi masalah murid Pemulihan. Temu bual, 21 Julai.
- Tahir, R. (2025). Inisiatif pihak sekolah dalam mengatasi masalah murid Pemulihan. Temu bual, 21 Julai.
- Yaacob, (2001). *Dakwah dan komunikasi interpersonal ibu bapa terhadap anak-anak*. (Tulisan ini menggariskan asas komunikasi interpersonal seperti kedudukan jarak dan bahasa santun dalam dakwah).
- Yaacob, N. H. (2014). Hubungan nilai integriti dan pencapaian akademik murid sekolah menengah di Selangor. *Jurnal Kepimpinan Pendidikan*, 2(2), 21–34.
- Yahaya, A., Yahaya, N., & Ramli, J. (2006). *Mengurus disiplin murid bermasalah*. Skudai: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia.
- Yusoff, M. A., & Mohamad, R. (2020). *Dakwah bi al-Hikmah dalam kalangan pendidik: Satu kajian kes*. *Jurnal Usuluddin dan Dakwah*, 15(2), 112–127.
- Yusoff, N. H. (2019). *Integriti akademik dalam kalangan mahasiswa Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)*. *Geografia*, 15(4), 179–190.
- Zainal, H., & Nor, F. (2019). *Pendekatan dakwah dan pembentukan akhlak murid melalui KBAT dan kursus akidah-akhlak*. Prosiding Seminar Pendidikan Islam, 123–134.
- Zulkifli, H. (2018). *Keberkesanan dakwah Hasanah dalam mendidik remaja Islam*. *Jurnal Komunikasi Islam*, 6(2), 91–105.